



PESAWAT Xian Y-20 milik tentera udara China yang memasuki ruang udara Zon Maritim Malaysia, Kota Kinabalu sempat dirakam oleh pesawat pemintas Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Isnin lalu.

Malaysia perlu tegas

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR

juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia perlu bertegas dalam isu kedaulatan negara dengan memberikan isyarat tegas dan tiada kompromi meskipun mempunyai hubungan baik dengan pihak terlibat.

Pencerobohan ruang udara dan perairan dalam kawasan kedaulatan negara merupakan satu kesalahan bukan melibatkan Malaysia sahaja, malah juga negara lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketaamadunan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Zaid Ahmad** menjelaskan, Malaysia wajar berbuat demikian kepada negara lain termasuk China bahawa pencerobohan ruang angkasa negara adalah satu pencabulan

undang-undang.

Katanya, China sendiri tidak akan membiarkan kedaulatan mereka diceroboh sehingga menggugat keselamatan tanah air.

Tambahnya, meskipun Malaysia menghantar nota bantahan diplomatik kepada China, ia tidak cukup sekadar itu dan kerajaan perlu menyatakan pendirian tegas kepada mereka.

“Jika kita tidak tegas dalam isu kedaulatan negara, maka sampai bila-bila perkara sama akan berulang. Jangan biar satu inci sempadan kita diceroboh, kerana ia merupakan tanah air kita dan tiada kompromi dalam soal ini,” katanya semalam.

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Isnin lalu mengesan penerbangan mencurigakan sebanyak 16 pesawat tentera udara milik China memasuki ruang

udara Zon Maritim Malaysia, Kota Kinabalu dan menghampiri ruang udara nasional.

Dalam masa sama, Pensyarah Undang-Undang Antarabangsa Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Prof. Madya Dr. Mohd. Hazmi Mohd. Rusli** menjelaskan, Malaysia tidak boleh sesekali berdiam dengan tindakan China itu dan jika berbuat demikian, seolah-olah mengakui tindakan mereka.

Tambahnya, negara perlu meningkatkan keberadaan di kawasan tuntutan maritim dengan meletakkan aset ketenteraan dan mengirinkan nelayan tempatan untuk melakukan aktiviti tangkapan ikan di lokasi terlibat.

Katanya, menerusi cara tersebut secara langsung dapat menunjukkan kepada semua pihak kawasan itu adalah milik negara.